

# PEMEROLEHAN BAHASA KANAK-KANAK MELAYU: SATU KAJIAN KES<sup>1</sup>

*Noor Hasnoor Mohamad Nor*

## **Abstrak**

Makalah ini melaporkan kajian tentang pola pemerolehan bahasa kanak-kanak Melayu. Pengkaji menghuraikan dua teori pemerolehan bahasa, iaitu behaviuris dan mentalis, serta mengkaji pemerolehan bahasa kanak-kanak mengikut peringkat fonologi, morfologi, dan sintaksis. Data diperoleh daripada responden melalui kaedah pemerhatian, rakaman dan ujian. Pengumpulan data mengambil masa dua tahun satu bulan, bermula dari hari kelahiran responden sehingga responden dapat mengujarkan ayat yang mempunyai makna. Pengkaji merumuskan bahawa pemerolehan bahasa berbeza tahapnya bagi setiap kanak-kanak berdasarkan kecerdasan masing-masing.

## *Abstract*

*This article reports the study on the language acquisition pattern of Malay children. The researcher expounds two theories on language acquisition, that is behaviourist and mentalist, as well as study along with phonological, morphological, and syntax levels. The data was obtained via observation, audio-recording and tests. It took 25 months to complete the research. The data was recorded from the birth of the child until they managed to utter meaningful sentences. The researcher finally concludes that language acquisition levels are different, depending on child intelligence.*

## **PENDAHULUAN**

Kebolehan berbahasa yang dimiliki oleh manusia merupakan satu anugerah yang unik berbanding dengan haiwan. Bahasa wujud sebagai wahana

komunikasi masyarakat sejagat dalam usaha memenuhi keperluan interaksi antara anggota masyarakat tersebut. Tanpa pendidikan formal sekalipun, kanak-kanak<sup>2</sup> masih mula berbahasa dan inilah yang dikatakan proses<sup>3</sup> pemerolehan bahasa yang melibatkan bahasa pertama kanak-kanak tersebut. Kanak-kanak ini akan terus membesar dan kemudiannya akan mendapat pendidikan bahasa secara formal dan dinamakan proses pembelajaran.

Mangantar (1987:157) menjelaskan bahawa pemerolehan bahasa ialah proses yang berlaku di dalam otak seorang kanak-kanak atau bayi sewaktu memperoleh bahasa ibundanya. Pemerolehan bahasa mesti dibezakan dengan pembelajaran bahasa dan seterusnya mengulas bahawa proses yang berlaku semasa pemerolehan bahasa terdiri daripada dua jenis, iaitu perlakuan dan kecekapan. Hal ini telah dikemukakan oleh (Chomsky, 1957), iaitu "performance"<sup>4</sup> dan "competence".<sup>5</sup>

Lyons J. (1981:251–252) pernah mempersoalkan punca ahli psikologi pada hari ini lebih cenderung untuk membincangkan pemerolehan bahasa daripada pembelajaran bahasa. Menurut beliau:

"... acquisition is neutral with respect to some of the implications that come to be associated with the term "learning" in psychology."

Menurutnya lagi, walaupun dikatakan bahawa pemerolehan bersifat neutral, namun masih mengelirukan kerana terdapat seolah-olah tumpang tindih antara bahasa yang diperoleh kini, tetapi tidak diperoleh sebelumnya.

## **TEORI ASAS PEMEROLEHAN BAHASA**

Terdapat dua aliran<sup>6</sup> utama yang berkaitan dengan pemerolehan bahasa kanak-kanak, iaitu behavioris dan mentalis. Kedua-dua aliran ini saling bertentangan dan mempunyai pegangan tersendiri dalam menghuraikan fenomena berhubung dengan pemerolehan bahasa kanak-kanak, terutama yang berkaitan dengan proses mental.

Ahli psikolinguistik yang berpegang pada aliran behaviorisme melihat aspek tingkah laku sebagai asas pemerolehan bahasa kanak-kanak. J.B. Watson (1913) dalam mengukuhkan kenyataan mengenai konsep tingkah laku, berpendapat bahawa pemikiran itu ialah tabiat motor dalam larinks (Slobin, terj. Ton, 1992: 152). Golongan ini menekankan bahawa pemerolehan bahasa itu merupakan hasil daripada pengulangan yang berterusan sehingga kanak-kanak memperoleh sesuatu kata. Sepanjang proses ini kanak-kanak akan diberikan pelbagai bentuk ganjaran, seperti pujian, ciuman, tepukan atau hadiah. Proses ini melibatkan proses mekanis semata-mata tanpa mengambil

kira proses mental.

Golongan ini juga menganggap perkembangan penguasaan fonologi ialah hasil perkembangan kognitif dan interaksi psikososio antara kanak-kanak dengan persekitaran tempat mereka wujud dan begitu juga dengan pemerolehan sintaksis yang ditafsirkan sebagai terhasil daripada interaksi antara kanak-kanak dengan penjaga mereka (Zulkifley, 1994:5–6). Idea ini tersimpul dalam model *motherese*.<sup>7</sup>

Kajian daripada golongan ini cuba membuktikan bahawa penguasaan bahasa kanak-kanak hasil peniruan dan menolak kepentingan Alat Pemeroleh Bahasa atau *Language Acquiring Device* (LAD). Rangsangan adalah sesuatu yang penting dan akan menghasilkan tindak balas daripada kanak-kanak tersebut. Menerusi hubungan ini, orang dewasa dikatakan memberi rangsangan untuk peniruan dan akan menghasilkan hubungan rangsangan-gerak balas (S-R).<sup>8</sup> Teori ini kerap dikaitkan apabila membincangkan teori pemelajaran dan dipegang oleh ahli psikologi seperti Pavlov, Thorndike, Watson, dan Skinner.

Sebaliknya pula aliran mentalisme melihat bahawa bahasa mempunyai hubungan yang rapat dengan minda. Seseorang kanak-kanak dikatakan telah dibekalkan dengan alat yang dinamakan Alat Pemeroleh Bahasa atau LAD sejak lahir seperti yang disarankan oleh Chomsky (1957, 1968). Beliau turut mendakwa bahawa “data linguistik utama”, iaitu pertuturan tidak boleh menjadi punca kebolehan berbahasa. Pemerolehan bahasa hanya mungkin jika kanak-kanak menerima tugas itu dengan persediaan kaedah tertentu untuk memproses data jenis itu dan membentuk jenis struktur bahasanya (Slobin, terj. Ton, 1992:153).

Semenjak lahir kanak-kanak dikatakan sudah mampu menganalisis, membuat dan merumus sesuatu peraturan bahasa. Tugas kanak-kanak bukanlah mendapatkan rumus bahasa ibundanya namun sekadar menyesuaikan rumus yang terkandung dalam nahu universal dan nahu bahasa pertamanya (Zulkifley, 1994:10). Mereka turut menegaskan bahawa pengetahuan semula jadi ini bersifat universal, iaitu tidak sama dengan mana-mana bahasa manusia. Jadi, proses penyesuaian sistem dan struktur bahasa dengan persekitaran adalah penting.

Menurut Piaget, perkembangan kognitif berterusan dengan sendirinya, umumnya diikuti oleh perlambangan linguistik, atau dicerminkan dalam bahasa kanak-kanak. Interaksi kanak-kanak pula tumbuh melalui interaksi mereka dengan objek atau orang di sekeliling (Slobin, terj. Ton, 1992:153). Golongan mentalis juga membuktikan bahawa kanak-kanak membetulkan kesilapan bukanlah kerana teguran orang dewasa tetapi kejayaan menentukan rumus dalaman yang

benar untuk menghasilkan pertuturan yang gramatis, (Foss, Hakes; 1970:280). Aliran ini dipegang oleh Piaget, Chomsky, Lennerberg dan lain-lain.

## **ANALISIS DATA**

Pemerolehan bahasa ibunda berlaku dalam kalangan kanak-kanak secara tidak formal, yakni tidak perlu diajar. Secara umumnya peringkat pemerolehan bahasa kanak-kanak hampir sama. Kebanyakan pengkaji menghubungkan tahap pemerolehan bahasa dengan usia dengan pergerakan deria-motor kanak-kanak.

Mangantar (1987:188–239) melihat pemerolehan bahasa bermula dengan membabel atau mengagah, diikuti oleh holofrasa, kemudiannya ucapan dua kata, permulaan tatabahasa, menjelang tatabahasa penuh dan akhirnya pada peringkat kecekapan penuh.

Kess J.F. (1976:58) pula menghuraikan tahap pemerolehan bahasa mengikut usia. Menurut beliau, pemerolehan bahasa melibatkan kelainan dalam segala aspek, iaitu fonologikal, sintaktikal ataupun semantik, iaitu kanak-kanak bermula dengan sesuatu yang lebih umum dan kategori yang tidak dikenal pasti, seterusnya berkembang dan menukarkan klasifikasinya itu.

Umumnya, menerusi kaedah “longitudinal studies”,<sup>9</sup> pemerolehan bahasa kanak-kanak dibahagikan kepada prabahasa, pemerolehan fonologi, morfologi, sintaksis. Pemerolehan semantik<sup>10</sup> pula wujud sejak lahir sehinggalah kanak-kanak dapat bertutur dengan baik. Walau bagaimanapun, pemberian makna pada tindak-tanduk dan ujaran kanak-kanak hanya berlandaskan penafsiran pengkaji berdasarkan pengalaman dan pemahaman sendiri.

## **PERINGKAT PRABAHASA ATAU MENANGIS<sup>11</sup>**

Kebanyakan pengkaji tidak memasukkan peringkat menangis sebagai peringkat dalam pemerolehan bahasa kerana cara ini tidak dikatakan bahasa, kerana tidak mempunyai pola yang teratur yang secara berulang dapat menyampaikan fikiran dan perasaan dengan setepat-tepatnya (Asmah, 1988:45).

Bunyi awal tangisan ialah refleks yang melengkapkan organisma dengan pernafasan awal kanak-kanak (Kess J.F., 1976:58). Tangisan merupakan hasil daripada “pernafasan darurat”, iaitu hembusan angin daripada paru-paru melalui pita suara lalu menghasilkan bunyi tangisan itu (Atan, 1988:286).

Pada peringkat awal kelahiran, kanak-kanak lebih banyak mengamati persekitaran di samping tindak-tanduk yang menyatakan kehendaknya yang


diistilahkan “persepsi”, iaitu suatu proses mengetahui objek dan peristiwa yang objektif melalui kederiaan (Mahmood Nazar, 1992:82).

Sejak lahir manusia sudah dapat menyaksikan dan merasakan sesuatu yang berlaku dalam alam sekelilingnya. Persepsi ini berlaku melalui pancaindera. Semasa melakukan persepsi, alam sekeliling dihayati dan penggolongan atau pengkategorian tentang sesuatu yang dilihat itu ditimbulkan. Daripada persepsi timbul pula konseptualisasi dan manusia menggunakan lambang bahasa untuk merakam fikiran dan pengalamannya (Asmah, 1988:3–7).

Perbuatan menangis seolah-olah mempunyai tujuan untuk menyatakan sesuatu kehendak. Misalnya apabila kanak-kanak lapar atau lampinnya basah, keadaan ini diberitahu melalui tangisan. Hal ini dibuktikan apabila setiap kali kanak-kanak menangis, dia diberi susu atau diperiksa lampinnya. Setelah kanak-kanak diberi susu atau ditukar lampinnya, barulah kanak-kanak itu diam. Tangisan bagi pernyataan ini beransur hilang apabila kanak-kanak mulai dapat menyatakan sesuatu melalui tindak-tanduk atau pengucapannya.

## PEMEROLEHAN FONOLOGI<sup>12</sup>

Pemerolehan fonologi kanak-kanak bermula dari hari kelahirannya hinggalah kanak-kanak dapat menyebut kata pertama yang bermakna. Berdasarkan pendapat beberapa pengkaji, serta data yang diperolehi, dapatlah dirumuskan dalam Rajah 1.



**Rajah 1** Urutan pemerolehan fonologi.

Pemerolehan fonologi kanak-kanak mempunyai pola yang tersendiri yang umumnya dibahagikan kepada peringkat mendekut, membabel atau mengagah, praberkata-kata dan pengenalan kata pertama.

## PERINGKAT MENDEKUT

Aktiviti mendekut bermula ketika kanak-kanak berusia dua bulan dan pada peringkat ini kanak-kanak lebih banyak bermain dengan organ ujarannya. Rozumah (1992:44) menggelar bunyi mendekut sebagai bunyi “kukur”.

Mangantar (1987:212) pula menghuraikan peringkat perkembangan bahasa berasaskan pembahagian oleh Ferguson, iaitu terdapat enam peringkat ke arah perkembangan kata pertama. Beliau memasukkan peringkat pengeluaran bunyi sebelum membabel ini sebagai peringkat mendekut yang menjadi peringkat terawal dalam pengeluaran bunyi.

Ini juga ditegaskan oleh Kess J.F., (1976:58) bahawa selepas kanak-kanak berusia dua bulan, dia akan menggunakan lidahnya sebagai artikulator untuk menghasilkan bunyi vokal seolah-olah mendekut dan menjadikan bunyi itu tidak lagi seolah-olah satu tangisan.

Pada peringkat mendekut, bunyi seolah-olah degusan wujud daripada mulut kanak-kanak. Pada peringkat ini juga kanak-kanak telah mula berinteraksi dengan individu yang berhampiran dengannya. Misalnya, apabila namanya dipanggil, kanak-kanak perlahan-lahan berpaling ke arah datangnya bunyi suara tersebut. Bunyinya agak kurang jelas, seolah-olah bunyi plosif velar tidak bersuara /k/, afrikat palatal tidak bersuara /c/, dan plosif velar bersuara /g/. Bunyi mendekut ini beransur hilang apabila kanak-kanak memasuki peringkat membabel atau mengagah.

## PERINGKAT MEMBABEL ATAU MENGAGAH

Jakobson (1968) memperkenalkan “The Laws of Irreversible Solidarity” yang ada kalanya juga disebut “Jakobson’s Laws of Universal Sequence” (dalam Zulkifley, 1994:4). Menurutnya, penguasaan bunyi bahasa mempunyai urutan perkembangan yang teratur dan tidak berubah. Hukum tersebut menjelaskan bahawa peringkat perkembangan ditentukan oleh “prinsip pertentangan yang maksimum”, iaitu penguasaan bunyi bahasa dikatakan bergerak daripada bentuk mudah kepada yang lebih rumit.

Semasa melihat urutan ini, Jakobson (1968) mengatakan bahawa bayi akan memperoleh kontras<sup>13</sup> antara hentian bilabial /p/ dengan hentian dental /t/ terlebih dahulu daripada kontras di antara hentian bilabial /p/ dengan

hentian velar /k/. Kanak-kanak juga terlebih dahulu akan mengenal pasti kontras antara nasal bilabial /m/ dan nasal palatal /n/ daripada kontras nasal bilabial /m/ dan nasal alveolar /n/.

Kanak-kanak sebenarnya memerhatikan gerakan artikulator yang terlibat dan juga bunyi yang dihasilkan. Oleh itu tidak hairanlah kanak-kanak cenderung menghasilkan bunyi seperti /m/, /p/, dan /b/ sebelum menghasilkan bunyi lain. Bunyi hentian /k/ dan /g/ yang melibatkan artikulator terlindung biasanya menyebabkan penguasaan kanak-kanak lebih lambat (Steinberg D.D., 1982: 149).

Peringkat ini biasanya dikuasai apabila kanak-kanak berusia empat bulan. Pada peringkat ini, bunyi konsonan seperti bunyi bilabial lebih kerap dibunyikan, misalnya bunyi plosif bilabial bersuara /b/ dan bunyi nasal bilabial tidak bersuara /m/. Ada ketikanya, terdapat bunyi plosif alveolar tidak bersuara /t/ plosif alveolar bersuara /d/, dan plosif velar tidak bersuara /k/. Kanak-kanak juga membunyikan vokal belakang luas bundar /a/ secara berterusan dan bunyi vokal ini kedengaran sebagai suatu jeritan. Bunyi vokal /a/ ini mendahului bunyi vokal lain dalam pemerolehan fonologi kanak-kanak. Biasanya, terdapat turutan bunyi yang menghasilkan aturan bunyi membentuk suku kata [ma,ma,ma], [ba,ba,ba], [ta,ta,ta], [da,da,da], [ka,ka,ka] dan juga penggabungan bunyi vokal dan konsonan ini menghasilkan bunyi [ba], [ma], [ta], [da], dan [ka]. Ada kalanya semasa penghasilan bunyi, buih halus terdapat pada bibir kanak-kanak. Aktiviti ini menjadi semakin seronok apabila ada orang yang melayannya. Pada peringkat ini kanak-kanak lebih bersifat egosentrik,<sup>14</sup> dengan terus membabel tanpa mengira kehadiran orang lain di sisinya. Aktiviti membabel berterusan sehinggalah beransur hilang apabila kanak-kanak mencapai peringkat praberkata-kata.

## **PERINGKAT PRABERKATA-KATA**

Pada usia lapan bulan, kanak-kanak telah mencapai peringkat praberkata-kata. Peringkat praberkata-kata bermaksud peringkat kanak-kanak mewujudkan satu suku kata atau lebih tetapi masih belum dapat difahami maknanya oleh orang lain. Dalam hubungan ini, seolah-olah ada tumpang tindih antara peringkat membabel dengan praberkata-kata apabila diwujudkan penggabungan bunyi vokal dan konsonan. Pada peringkat ini, kanak-kanak banyak membuat pengulangan bunyi yang bersuku kata konsonan-vokal (KV) Contoh:

**Bunyi satu suku kata**

- [ma]
- [ba]
- [ka]
- [ta]
- [pa]
- [ne]
- [na]
- [bu]

**Pengulangan bunyi**

- [mama]
- [baba]
- [kaka]
- [tata]
- [papa]
- [nene]
- [nana]
- [bububu]

Pengulangan bunyi yang dibuat oleh kanak-kanak berdasarkan keseronokannya semata-mata. Dalam hal ini kanak-kanak tidak mempunyai maksud untuk menyampaikan sebarang mesej. Aktiviti ini akan beransur kurang dan seterusnya hilang apabila kanak-kanak telah dapat mengucapkan kata pertama.

**PENGENALAN KATA PERTAMA**

Kanak-kanak mula memperoleh peringkat ini pada usia satu tahun dua bulan. Peringkat ini dikatakan pengenalan pada kata pertama kerana kata yang diucapkan itu masih tidak lengkap tetapi sudah dapat difahami oleh orang lain. Kanak-kanak biasanya membunyikan suku kata akhir perkataan dan membuat pengulangan bunyi yang sama. Walau bagaimanapun, perkataan yang mempunyai satu suku kata jelas disebut, terutamanya perkataan dalam bahasa Inggeris yang mempunyai banyak suku kata seperti ini. Contoh:

**Bunyi asal**

- [mama]
- [baba]
- [umi]
- [ball]
- [kar]
- [buk]
- [ikut]
- [kedai]
- [pandai]
- [boy]

**Sebutan**

- [mama]
- [baba]
- [ni]
- [bol]
- [kar]
- [bua]
- [kut]
- [dai<sup>15</sup>]
- [dai]
- [boi]



### KESUKARAN SEBUTAN<sup>16</sup>

Pada peringkat pemerolehan fonologi, kanak-kanak mengalami beberapa kesukaran ketika menyebut kata, sesuatu yang normal pada peringkat kanak-kanak kerana mereka masih dalam proses melatih organ ujaran. Kesukaran sebutan ini seterusnya akan beransur hilang apabila kanak-kanak semakin membesar dan mula berinteraksi serta mendapat pendidikan formal. Sekiranya kesukaran ini tidak dapat dilenyapkan pada peringkat usia yang lebih dewasa, maka individu itu dianggap “pelat<sup>17</sup>” berbahasa. Berikut sebahagian daripada kata yang sukar disebut oleh kanak-kanak.

Bunyi asal [i]	lingkungan kehadiran depan kata	bunyi dihasilkan [e]
(vokal depan sempit hampar)	→	(vokal depan separuh sempit hampar)

Contoh:

ikan	→	[ɛkanʔ]
ikut	→	[ɛkət]
ikat	→	[ɛkat]

[u]	depan dan tengah kata	[ɔ]
(vokal belakang sempit bundar)	→	(vokal belakang separuh sempit bundar)

Contoh:

duduk	→	[dɔdɔɔ]
dukung	→	[dɔkɔŋ]
turun	→	[tɔʎɔn]
takut	→	[takɔt]
buka	→	[bɔka]
tutup	→	[tɔtɔp]

[m]	di tengah kata	[n]
(konsonan nasal bilabial bersuara)	→	(konsonan nasal alveolar bersuara)

Contoh:

umi	→	[ɔuni]
Fahmi	→	[fahni]
sumi	→	[suni]

[s]	depan dan tengah kata	[c]
-----	-----------------------	-----

(konsonan frekatif alveolar tidak bersuara) → (konsonan afrikat tidak bersuara)

Contoh:

susu	→	[cucu]
sayang	→	[cajaŋ]
sorok	→	[cɔʎɔɔ]
salam	→	[calam]
sakit	→	[cakit]
kasih	→	[ɔacih]
basuh	→	[acuh]
kasut	→	[tacut]

[r]                      depan dan tengah kata                      [ʎ]

(konsonan tril alveolar bersuara) → (konsonan frikatif velar bersuara)

Contoh:

rumah	→	[ʎumah]
ramai	→	[ʎama]
rambut	→	[ʎambɔt]
goreng	→	[gɔʎeŋ]
buruk	→	[buʎɔɔ]
sorok	→	[cɔʎɔɔ]

[n]                      akhir kata                      [ŋ<sup>18</sup>]

(konsonan nasal alveolar bersuara) → (konsonan nasal velar bersuara)

Contoh:

makan	→	[makaŋ]
ikan	→	[ɔekaŋ]
tangan	→	[taŋaŋ]
jalan	→	[jalaŋ]
kawan	→	[tawaŋ]

[k]                      awal kata                      [t]

(konsonan plosif velar tidak bersuara) → (konsonan plosif alveolar tidak bersuara)

**Jadual 1** Senarai leksikal kata nama kanak-kanak mengikut urutan pemerolehan.

Kata nama mengikut ejaan	Transkripsi fonetik
Mama	[mama]
Baba	[baba]
Hendak	[nɔ]
Susu	[cucu]
Tok	[toɔ]
Cik	[tiɔ]
Ubat	[ɔɔbat]
Umi	[ɔɔni]
Mak	[maɔ]
Air	[ɔe]
Kuku	[kɔkɔ]
Duit	[di:t]
Adik	[ɔadeɔ]
Kak Ngah	[ŋaŋah]
Biskut	[bɔskɔt]
Keropok	[kɔpɔɔ]
Radio	[ʔɛdo]
Cokelat	[ɔijet]
Ikan	[ɔekɑŋ]
Ayam	[ɔajam]
Telur	[tɔlɔ]
Roti	[ʔɔti]
Rokok	[ʔɔkɔɔ]
Ainzati	[ɔejati]
Dino	[dɔno]
Makan	[makɑŋ]
Sabun	[sabɔŋ]
Buih	[bɔweh]
Mak Yang	[maɔjaŋ]
Kucing	[kɔciŋ]
Tudung	[tɔdɔŋ]
Butang	[bɔtɑŋ]
Siti	[siti]
Bola	[bɔla]
Susu	[cucu]

*sambungan Jadual 1*

Ayah	[ɔa:jah]
Mak Yong	[ɔa:jɔŋ]
Kakak	[kakaɔ]
Hasnor	[tanor]
Boy <sup>21</sup>	[boi]
Lampu	[ɔ ampu]
Shaheera	[seʃa]
Shida	[sida]
Sekolah	[skolah]
Rambut	[ɣambut]
Buah	[bɔwah]
Katak	[tataɔ]
Kemek	[temeɔ]
Tompok	[tɔmpɔɔ]
Comot	[cɔmɔt]
Pasang	[pacan]
Nuqman	[nɔɔ man]
Mercun	[mecon]
Baju	[baju]
Bas	[bas]
Motor	[mɔtɔ]
Lori	[lɔʃi]
Kereta	[ketɔ]
Kapal terbang	[kateban]
Kedai	[kɔdaj]

**Jadual 2** Senarai leksikal kata kerja kanak-kanak mengikut urutan pemerolehan.

Kata kerja mengikut ejaan	Transkripsi fonetik
Hendak	[naɔ]
Minta	[menta]
Ikut	[ɛkət]
Ambil	[ɛambeɔ]
Tolak	[tojaɔ]
Keluar	[kuwa]
Tidur	[tedo]
Buka	[bokaɔ]
Tak hendak	[ɛnanaɔ]
Dukung	[dɔkɔŋ]
Makan	[makɑŋ]
Goyang	[gɔjaŋ]
Pakai	[takai]
Tutup	[tɔtɔp]
Pukul	[pukol]
Menangis	[ɛɑŋis]
Tidur	[tedo]
Main	[min]
Lari	[laʎi]
Turun	[tɔʎɔŋ]
Naik	[neɔ]
Duduk	[dɔdɔɔ]
Cuba	[cɔbɔ]
Jatuh	[jatɔh]
Pasang	[pasɑŋ]
Mandi	[mandi]
Gosok	[gɔsɔɔ]
Pakai	[pakaj]
Ikat	[ɛekat]

**Jadual 3** Senarai leksikal kata adjektif kanak-kanak mengikut urutan pemerolehan.

Kata adjektif mengikut ejaan	Transkripsi fonetik
Sakit	[takit ]
Hitam	[aitam]
Tajam	[tajam]
Panjang	[tanjaŋ]
Pecah	[pecah]
Satu	[sato]
Dua	[dowa]
Tiga	[təga]
Empat	[əmpat]
Lima	[lema]
Enam	[ənam]
Tujuh	[tʊʃ]
Lapan	[lapən]
Sembilan	[səmbilan]
Sepuluh	[səpʊlʊh]
Kotor	[koto]
Pandai	[tandaj]
Letih	[leteh]
Gatal	[kaj]
Jauh	[jəh]
Cepat	[capat]
Laju	[laju]
Busuk	[busʊk]
Sedap	[sedap]
Biru	[biʁu]
Hijau	[əjaw]
Merah	[meʁah]
Pandai	[tandaj]
Takut	[takʊt]

**Jadual 4** Senarai kata tugas kanak-kanak mengikut urutan pemerolehan.

Kata tugas mengikut ejaan	Transkripsi fonetik
Sudah	[dah]
Belum	[bolɔm]

Contoh:

kasut	→	[tasut ]
kucing	→	[tuceŋ]
kulit	→	[tulet]
keropok	→	[kɔpɔk]
kotak	→	[tɔtək]

Peringkat fonologi adalah peringkat pemerolehan yang paling awal dalam pemerolehan bahasa kanak-kanak. Kajian membuktikan bahawa bunyi [a] adalah bunyi vokal pertama dalam pemerolehan bahasa kanak-kanak dan bunyi [m] menjadi bunyi konsonan pertama yang diperoleh. Pemerolehan ini juga mengikut pola asas dalam kebanyakan pemerolehan bahasa.

## PEMEROLEHAN MORFOLOGI<sup>19</sup>

Kebanyakan pengkaji memasukkan pemerolehan morfologi di bawah pemerolehan sintaksis. Di sini akan dibincangkan pemerolehan morfologi untuk melihat perkembangan leksikal berdasarkan satu kata. Dengan cara ini secara tidak langsung diperlihatkan perkembangan bahasa dan kognisi bagi seseorang kanak-kanak.

Pada peringkat ini, kanak-kanak telah dapat menyebut beberapa perkataan. Ada ketikanya perkataan tersebut merupakan pengulangan suku kata akhir, tetapi mempunyai makna yang boleh difahami. Peringkat morfologi ini diperoleh oleh kanak-kanak ketika berusia satu tahun dua bulan.


## SENARAI LEKSIKAL RESPONDEN

Menurut *Tatabahasa Dewan* (1997:85), golongan kata<sup>20</sup> dalam bahasa Melayu terbahagi kepada empat, iaitu kata nama (KN), kata kerja (KK), kata adjektif (K. Adj) dan kata tugas (KT).

Berasaskan *Tatabahasa Dewan*, disenaraikan leksikal subjek bermula daripada usianya satu tahun dua bulan hingga satu tahun tujuh bulan

mengikut urutan atau peringkat sebutan subjek. Jadual 2 menunjukkan senarai leksikal kanak-kanak.

Pada peringkat pemerolehan morfologi, didapati bahawa kanak-kanak lebih banyak memperoleh kata nama (KN) diikuti dengan kata kerja (KK), seterusnya kata adjektif (KAdj) dan paling sedikit kata tugas (KT). Bahasa kanak-kanak yang berusia dua tahun terdiri daripada kata sari. Kata sari dapat difahami kerana mempunyai makna yang lengkap dan secara tidak disadari, tekanan suara bagi kata sari adalah lebih tinggi dan bagi yang bukan kata sari lebih rendah (Asmah,1988:51).



**Rajah 2** Tahap pemerolehan sintaksis kanak-kanak.

Keadaan ini disebabkan kata nama lebih mudah dipelajari atau diperoleh. Kebanyakan objek di persekitaran yang dapat dilihat oleh mata kasar menggunakan kata nama. Bahkan individu di persekitaran, seperti ibu bapa, kawan-kawan dan penjaga kanak-kanak menggunakan pelbagai gelaran atau kata panggilan mudah yang juga termasuk dalam kata nama. Kata kerja hanya digunakan apabila kanak-kanak melihat atau melakukan sebarang aktiviti. Ini bermakna kata nama ialah kata pertama yang diperoleh kanak-kanak.

Proses pembentukan kata yang melibatkan pengimbuhan, penggandaan, pemajmukan, dan pengakroniman sukar dikesan di peringkat awal bahasa kanak-kanak. Namun terdapat sedikit penggandaan bentuk sepenuhnya dan umumnya melibatkan kata kerja. Contoh:

- “Shera nak *main-main* je”.
- “Umi nak *jalan-jalan*?”
- “Monyet tu *lompat-lompatlah*”.
- “Biar Shera *tulis-tulis* kat sini”.
- “Tu ada *kawan-kawan* kat situ”



## PEMEROLEHAN SINTAKSIS<sup>22</sup>

Pada umumnya, pengkaji dalam bidang ini menganggap pemerolehan sintaksis bermula dengan penggabungan dua atau lebih kata, iaitu pada umur lebih kurang dua tahun. Oleh itu, peringkat satu kata atau holofrasa itu diketepikan dan dianggap tidak berkaitan dengan pemerolehan sintaksis (Mangantar, 1987:199). Steinberg D.D. (1982:149–157) pula membahagikan pemerolehan sintaksis kepada tiga tahap, iaitu tahap telegraf, morfem dan transformasi.

Jadi, pembahagian oleh Steinberg, dan dengan tambahan tahap pra-keceapan penuh, akan dijadikan asas dalam huraian mengenai pemerolehan sintaksis kanak-kanak. Pemerolehan sintaksis kanak-kanak bermula pada usia satu tahun tujuh bulan. Berikut tahap-tahap pemerolehan sintaksis kanak-kanak.

### TAHAP TELEGRAF

Pada tahap ini, penggabungan kata amatlah ringkas. Umumnya, kanak-kanak menggunakan kata inti dan turut menggabungkan dua kata. Kata ini melibatkan morfem bebas tanpa mewujudkan morfem terikat. Pengguguran subjek ayat juga kerap berlaku, seolah-olah bentuk ayat dalam telegram yang hanya menggunakan kata inti sahaja, misalnya:

#### Mesej

[naá cucu]	→	Meminta susu daripada pengkaji.
[taá oleh]	→	Gagal membuat sesuatu.
[jom kua]	→	Mengajak keluar.
[baá buku]	→	Meminta buku.
[beli aikim]	→	Meminta dibelikan aiskrim.

### TAHAP MORFEM

Pada tahap ini struktur ayat mudah lebih baik berbanding dengan tahap sebelumnya. Morfem terikat telah mula wujud dan kata tugas lebih kerap digunakan oleh kanak-kanak, misalnya:

- Umi pakai*kan*.
- Umi buka*kan*.
- Ayah belia*kan*.
- Nenek nyanyika*kan*.

Ayah tuliskan.

Walau bagaimanapun, apabila morfem terikat /-kan/ diletakkan selepas kata nama, kanak-kanak melakukan kesilapan dalam penggunaan morfem terikat /-kan/. Kanak-kanak sepatutnya meletakkan morfem /-kan/ selepas kata kerja atau penghujung ayat. Contoh kesilapan:

Umi pakai bajukan.

Umi buka airkan.

Ayah beli susukan.

Nenek nyanyi lagukan.

Ayah tulis banyakkan.

Dalam hubungan ini, sekiranya intonasi yang digunakan adalah tinggi maka struktur ayat itu boleh berubah menjadi ayat tanya atau soalan seperti contoh di bawah:

Umi pakai bajukan?

Umi buka airkan?

Ayah beli susukan?

Nenek nyanyi lagukan?

Ayah tulis banyakkan?

## TAHAP TRANSFORMASI

Pada peringkat ini kanak-kanak berjaya menukarkan bentuk ayat yang sederhana kepada bentuk yang lebih rencam. Pelbagai bentuk ayat dapat diterbitkan meskipun ada kalanya ayat yang terhasil tidak gramatis. Contoh:

Tak nak makan. – ayat nafi

Bukan Umi. – ayat nafi

Tak nak ikut. – ayat nafi

Kakak punya. – ayat penyata

Umi beli. – ayat penyata

Kakak pergi jalan. – ayat penyata

Nak berapa duit? – ayat tanya

Nak beli apa? – ayat tanya

Ayah pergi mana? – ayat tanya

Ambil buku Shera. – ayat perintah

Beli Shera pok. – ayat perintah

Pakai Shera kasut. – ayat perintah

Penukaran bentuk ayat sederhana kepada ayat yang lebih rencam menunjukkan bahawa tahap transformasi kanak-kanak lebih baik. Keadaan ini secara tidak langsung menunjukkan perkembangan sihat kognitif kanak-kanak daripada aspek berbahasa. Pada peringkat ini, kanak-kanak sudah dapat menggunakan partikal *lah* sebagai penguat pada ayat penyata, ayat nafi dan ayat perintah. Ayat ini juga lebih bersifat penegas kerana penegasan pada kata tertentu dalam ayat, misalnya:

Bukan kakak*lah*, Shera. – ayat nafi  
 Tak*lah*, Shera dah makan. – ayat nafi  
 Jangan kacau*lah*. – ayat nafi  
 Ayah baik*lah*. – ayat penyata  
 Shera pandai*lah*. – ayat penyata  
 Kain Umi belil*ah*. – ayat penyata  
 Ambillah Umi punya. – ayat perintah  
 Letak*lah* botol. – ayat perintah  
 Tutup*lah* pintu. – ayat perintah

Selain itu, kanak-kanak kerap menggunakan kata *kot* di dalam ayat yang menunjukkan dia turut mengagak atau menjangka sesuatu. Contoh:

Umi kat atas, *kot*.  
 Ayat kat luar, *kot*.  
 Cik yang beli, *kot*.  
 Siti ambil, *kot*.  
 Nenek pergi kedai, *kot*.

Kata arah dan kata tunjuk juga kian giat digunakan pada peringkat ini. Kata arah yang kerap digunakan, seperti *ini*, *itu*, *sini*, *situ*, *sana*, *belakang*, *atas*, *bawah*, *depan*, *luar* dan *dalam*, misalnya:

*Ini* Umi beli.  
 Shera nak yang *ini*.  
*Itu* Umi punya.  
 Bukan yang *itu*.  
 Letak kat *situ*.  
 Adik pergi *situ*.  
 Umi kat *sana*.  
 Shera pergi kat *sana*.  
 Ada kat *belakang*.  
 Jangan letak *belakang*.

Ayah kat *depan*.  
Shera nak duduk *depan*.  
Nak naik *atas*.  
Botol kat *atas* meja.  
Ayah turunlah *bawah*.  
Umi nak turun *bawah*?  
Shera nak kat *luar*.  
Pergi kat *luar*.  
Adik masuk *dalam*.  
*Dalam* beg Umi.

### TAHAP PRAKECEKAPAN PENUH<sup>23</sup>

Dalam tahap ini kanak-kanak sudah berupaya membina struktur ayat yang bermakna. Walau bagaimanapun, ada kalanya terdapat beberapa kesilapan tatabahasa, namun dianggap proses pembelajaran sebelum kanak-kanak dapat menggunakan bentuk ayat yang betul. Pada tahap ini, struktur ayat kanak-kanak ada kalanya menyamai struktur ayat orang dewasa, namun jika dibandingkan dengan orang dewasa, terdapat perbezaan yang cukup jelas. Kanak-kanak juga dapat menerbitkan ayat berdasarkan beberapa struktur, iaitu:

#### 1. Subjek + Predikat

Contoh:

Adik + menangis = Adik menangis.  
Umi + mandi = Umi mandi.  
Ayah + kerja = Ayah kerja.

#### 2. Subjek + Predikat + Objek

Contoh:

Adik + ambil + susu = Adik ambil susu.  
Ayah + dukung + Shera = Ayah dukung Shera.  
Nenek + beli + gula-gula = Nenek beli gula-gula.

#### 3. Subjek + Predikat + Objek + Keterangan

Contoh:

Ayah + dukung + adik + kat luar = Ayah dukung adik di luar.  
Umi + mandikan + Shera + kat atas = Umi mandikan Shera di atas.

Cik + beli + Shera baju + kat kedai = Cik beli Shera baju di kedai.

Kanak-kanak juga menggunakan empat pola dasar ayat bahasa Melayu bagi menerangkan subjek dan predikat, iaitu:

1. Frasa Nama (FN) + Frasa Nama (FN)

Contoh:

Umi + cikgu. = Umi cikgu.

Baba + posmen = Baba posmen.

Kak Siti + sekolah = Kak Siti pelajar.<sup>24</sup>

2. Frasa Nama (FN) + Frasa Kerja (FK)

Contoh:

Adik Haqim + menangis. = Adik Haqim menangis.

Ayah + mandi. = Ayah mandi.

Shera + tulis-tulis = Shaheera menulis.

3. Frasa Nama (FN) + Frasa Adjektif (FA)

Contoh:

Nenek + baik. = Nenek baik.

Baju Shera + cantik. = Baju Shaheera cantik.

Kereta Chik + kecil = Kereta Chik kecil.

4. Frasa Nama (FN) + Frasa Sendi nama (FSn)  
- (penggunaan “kat” menggantikan “di”).

Contoh:

Ayah + *kat* atas. = Ayah *di* atas.

Umi + *kat* luar. = Umi *di* luar.

Mak Yang + *kat* rumah. = Mak Yang *di* rumah.

## KESIMPULAN

Pada suatu tahap, terdapat satu hentian bagi pemerolehan bahasa kanak-kanak. Penguasaan pertuturan ini mempunyai lonjakan dan hentian atau “dataran” yang berhubung rapat dengan pergerakan dan pengawalan badan (Atan, 1988;288). Umpamanya, semasa kanak-kanak berusia setahun hingga setahun dua bulan, dia lebih banyak menumpukan perhatian kepada gerak laku untuk berjalan. Pada peringkat ini, aspek perkembangan dan penguasaan

bahasa tidak seaktif sebelum dan selepas hentian.

Secara keseluruhannya, pemerolehan bahasa ialah suatu cara yang berkesan bagi melihat perkaitan antara kognisi, bahasa dan komunikasi. Secara tidak langsung juga dapat dilihat tahap perkembangan kognitif melalui bahasa serta komunikasi dengan individu di sekeliling kanak-kanak. Kajian menunjukkan bahawa perkembangan kognitif dan pemerolehan bahasa seolah-olah melalui satu landasan yang teratur.

## NOTA

- 1 Kajian kes ini menggunakan kaedah pemerhatian, rakaman, catatan dan uji kaji. Pengumpulan data mengambil masa 25 bulan, bermula dari hari kelahiran hinggalah kanak-kanak dapat mengujarkan ayat penuh yang mempunyai makna.
- 2 Istilah kanak-kanak digunakan kerana sukar dibezakan antara bayi dengan kanak-kanak. Kesukaran timbul terutama dalam membataskan usia. Istilah kanak-kanak lebih bersifat umum, bermula dari hari kelahiran hingga sebelum alam remaja.
- 3 Proses bermaksud sesuatu yang tidak statik, yang terus bergerak, dan boleh berlaku di mana-mana. Mula dan akhir proses sukar ditentukan tetapi hasilnya tetap dan teratur.
- 4 *Performance* atau perlakuan melibatkan proses pemahaman dan penerbitan. Pemahaman melibatkan kebolehan mengamati dan mempersepsi ayat yang didengar, manakala penerbitan melibatkan kebolehan menerbitkan ayat.
- 5 *Competence* atau kecekapan pula merujuk kepada pengetahuan bahasa, iaitu tatabahasa yang dikuasai secara tidak sedar. Kecekapan inilah umumnya yang dihubungkan dengan Alat Pemeroleh Bahasa dalam hipotesis nurani atau keterbatinan. Hipotesis keterbatinan ialah hipotesis yang menyatakan bahawa otak manusia “diprogramkan” semasa dilahirkan pada aspek tertentu dan berstruktur dalam bahasa alamiah manusia (Azhar, 1990:241).
- 6 Steinberg (1982:29) pernah mencadangkan supaya dikenal pasti aliran yang dipegang oleh individu dengan menjawab tiga soalan, iaitu (i) Adakah manusia mempunyai minda? (ii) Sekiranya mempunyai minda, adakah perlakuan fizikalnya dipengaruhi oleh minda tersebut? (iii) Haruskah bahan kajian psikologi dan linguistik meliputi bahan yang subjektif dan bersendirian sifatnya?. Jawapan “ya” menggolongkan individu dalam aliran mentalis dan begitulah sebaliknya, aliran behaviorisme bagi jawapan “tidak”.
- 7 Melalui idea ini, dikatakan bahawa pada peringkat awal penguasaan sintaksis, tuturan penjaga bersifat telegrafik, dan kemudiannya memasukkan kata tugas dan morfem terikat dalam pertuturan mereka. Penjaga di bawah model ini dikatakan sentiasa menyedari serta mengikuti perkembangan bahasa kanak-kanak jagaan mereka, dan cuba mencari rangsangan yang paling sesuai untuk menguasai bahasa (Snow dan Ferguson, 1977 dalam Zulkifley, 1994:9).
- 8 Ahli behavioris Amerika melalui teori empirik rangsangan-gerak balas (S-R) mengambil kira struktur dalaman organisma, bergantung terutamanya pada keupayaan semula jadi untuk membentuk kaitan antara rangsangan dengan gerak balas berdasarkan keserupaan dan kontiguiti (Slobin, terj. Ton, 1992:103).
- 9 Kajian pemerolehan bahasa kanak-kanak mengalami perubahan dari segi kaedah dan

- orientasi teoretikal. Ingram (1989) membahagikan tempoh kajian pemerolehan bahasa menerusi beberapa kaedah yang dominan, iaitu *diary studies* (1876–1926), *large sample studies* (1926–1957) dan *longitudinal studies* (1957–kini). Untuk lebih jelas mengenai kaedah ini, sila rujuk Ingram D. (1989), *First Language Acquisition: Method, Description and Explanation*, Cambridge University Press, Cambridge.
- 10 Pemerolehan semantik tidak dibincangkan secara langsung. Sukar ditentukan kedudukannya dalam pemerolehan bahasa kanak-kanak. Semantik dianggap sistem perwakilan dalaman yang melihat makna dalam bahasa, oleh itu amat sukar dikaji jika dibandingkan dengan fonologi dan sintaksis.
  - 11 Inilah peringkat awal dan tidak dimasukkan dalam kategori pemerolehan bahasa. Ada ketikanya peringkat ini boleh dihubungkan dengan pemerolehan semantik apabila tangisan mempunyai tujuan atau makna tertentu seperti menyatakan lapar, lampin basah, tidak selesa dan sebagainya.
  - 12 Fonologi merupakan subbidang linguistik yang mengkaji bunyi yang sistematik dalam bahasa dan dibahagikan kepada fonetik dan fonemik.
  - 13 Kontras merujuk kepada perbezaan bunyi yang sangat nyata.
  - 14 Asmah (1988) membahagikan bahasa kanak-kanak kepada dua, iaitu egosentrik dan perhubungan. Bahasa egosentrik dilahirkan melalui pengulangan, monolog, dan monolog tumpuan. Piaget (1955) pula menegaskan bahawa kanak-kanak tidak berminat untuk mengetahui dengan siapa dia bercakap, atau percakapannya didengari atau tidak. Inilah yang dimaksudkan bersifat egosentrik.
  - 15 Bunyi diftong [ai],[oi] dalam pemerolehan fonologi.
  - 16 Kesukaran sebutan dimasukkan di bawah pemerolehan fonologi kerana melibatkan penghasilan bunyi bahasa kanak-kanak. Ini bukanlah masalah tetapi sekadar menghuraikan bunyi bahasa yang dihasilkan pada peringkat awal pemerolehan bahasa. Fenomena kesukaran sebutan adalah relatif sifatnya pada setiap kanak-kanak.
  - 17 Pelat atau telor merujuk kepada sifat seseorang penutur yang kurang betul pengucapan katanya. Istilah ini juga boleh merujuk kepada cara tertentu mengucap kata.
  - 18 Bunyi [ʔ] biasanya diletakkan pada bunyi akhir kata memperlihatkan unsur dialek Terengganu.
  - 19 Morfologi ialah kajian bentuk kata dan proses pembentukan kata.
  - 20 Untuk pengertian dan pembahagian secara khusus golongan kata bahasa Melayu, sila rujuk *Tatabahasa Dewan* (1997) Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
  - 21 *Boy* merujuk kepada nama panggilan seseorang.
  - 22 Sintaksis berasal daripada bahasa Yunani, iaitu mengkaji cara perkataan disusun menjadi unit yang lebih besar.
  - 23 Prakecekapan penuh digunakan kerana pada peringkat ini kanak-kanak tidak pernah mempelajari tatabahasa secara formal tetapi berdasarkan peraturan tatabahasa yang dibinanya sendiri. Kecekapan kanak-kanak tidaklah sebaik orang dewasa sekiranya dibuat perbandingan.
  - 24 Sekolah dirujuk sebagai pelajar, iaitu orang yang bersekolah.

## RUJUKAN

Adrian Akmajian *et al.*, 1997. *Linguistik: Pengantar Bahasa dan Komunikasi*. penterjemah Aishah Mahdi dan Azizah Hussein, Kuala Lumpur: Dewan

Bahasa dan Pustaka,

- Asmah Hj. Omar, 1988. *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,
- Atan Long, 1988. *Psikologi Pendidikan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atkinson R.L., 1990. *Introduction to Psychology*. Edisi ke-10. San Diego: Harcourt Brace Jovanovich.
- Bloomfield L., 1935. *Language*. New York: Henry Holt and Co.
- Chomsky N., 1957. *Syntactic Structure*. The Hague: Mouton.
- Chomsky N., 1968. *Language and Mind*. Harcourt: Brace and World New York.
- Devito J., 1970. *The Psychology of Speech and Language: An Introduction to Psycholinguistics*. New York: Random House.
- Foss D.J., dan Hakes D.T., 1978. *Psycholinguistics: An Introduction to the Psychology of Language*, Prentice-Hall: New York, Inc.
- Fromklin V., 1988. *An Introduction to Language* Edisi ke-4. New York: Holt Rinehart, Winston.
- Goodluck, Helen, 1991. *Language Acquisition: A Linguistic Introduction*. Blackwell USA.
- Ingram D., 1989. *First Language Acquisition: Method, Description and Explanation*. London: Cambridge University Press.
- Kess J., 1976. *Psycholinguistics Introductory Perspective*. New York: Academic Press: New York.
- Lyons J., 1981, *Language and Linguistics: An Introduction*. London: Cambridge University Press.
- Mahmood Nazar Mohamed, 1992. *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mangantar Simanjuntak, 1983. *Aspek-aspek Fonologi Transformasi Generatif dalam Pemerolehan dan Pengajaran Bahasa Melayu: Satu Tinjauan Psikolinguistik*, Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mangantar Simanjuntak, 1987. *Pengantar Psikolinguistik Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mangantar Simanjuntak, 1987 "Pertumbuhan dan Perkembangan Bahasa Kanak-kanak Melayu" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, Oktober 1990. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim *et al.*, 1997. *Tatabahasa Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norehan Muhamad, 2001. "Pemerolehan Bahasa Kanak-kanak Melayu dari Sudut Linguistik dan Bukan Linguistik", Tesis M.A., Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Palermo D.S., 1978. *Psychology of Language*. Illinois: Scott, Foresman and Company: Glenview.
- Puteri Roslina Abdul Wahid, 1998. "Pemerolehan Bahasa Kedua oleh Kanak-kanak



- Prasekolah: Satu Kajian Bahasa Antara”, Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Pusat Bahasa, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Rozumah Baharuddin, 1992. *Perkembangan Kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Slobin D.I., (penterjemah: Ton Ibrahim), 1992. *Ilmu Psikolinguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Steinberg, D. D., 1982. *Psycholinguistic: Language, Mind and World*. London: Longman.
- Steinberg, D. D., (penterjemah: Azhar M. Simin) 1990. *Psikolinguistik: Bahasa Akal Budi dan Dunia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Vijayaletchumi a/p Subramaniam, 2000. “Pemerolehan Bahasa Kanak-kanak Melayu”, Tesis M.A. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Zulkifley Hamid, 1994. “Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Malaysia Sebagai Bahasa Pertama dan Kedua: Penilaian Berdasarkan Kerangka Teori-teori Psikolinguistik”, Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Jabatan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Zulkifley Hamid, 1994. “*Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa*”, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zulkifley Hamid, 1990. “Penguasaan Bahasa: Huraian Paradigma Mentalis dan Behaviouris”, dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.